

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Hari Membeli Produk Inovasi diperkenal tahun depan	Utusan Malaysia
2	MOSTI proposed 'Buy Innovative Product Year' in 2017	Bernama.com
3	MOSTI cadangkan adakan Tahun Memebeli Produk Inovasi pada 2017	Bernama.com
4	Anugerah National Fellowship Wanita dan Sains	Harian Metro
5	Idris lead Malacca awards list	The star
6	PM : 2017will be year of Internet Economy	The Star
7	Paras tertinggi air dijangka isnin ini	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tengah) melihat produk baharu dalam majlis Pengenalan Produk Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID

Hari Membeli Produk Inovasi diperkenal tahun depan

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bercadang untuk mengadakan Hari Membeli Produk Inovasi bermula tahun depan bagi memastikan masyarakat menggunakan produk inovasi dalam kehidupan seharian mereka.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, produk inovasi yang dihasilkan kebanyakannya menggunakan teknologi yang tinggi dan memenuhi keperluan masyarakat, namun masih kurang diterima oleh orang ramai.

“Mungkin masyarakat kurang

yakin dengan produk yang dihasilkan oleh orang tempatan disebabkan itu, produk tersebut tidak mendapat sambutan menggalakkan.

“Oleh itu, budaya membeli produk inovasi perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat dan kita percaya dengan adanya Hari Membeli Produk Inovasi, ia mampu membantu agensi-agensi tertentu untuk memasarkan produk mereka,” katanya dalam sidang akhbar dalam majlis Pengenalan Produk Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY), 2016 di sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, sebanyak 10 produk daripada pelbagai agensi diperkenalkan MCY, antaranya sistem pembayaran tempat letak kenderaan iaitu aplikasi telefon Street Parking Mobile daripada Technology Park Malaysia dan blok menggunakan kaedah pemasangan ringkas, Putra Block (Universiti Putra Malaysia).

Selain itu, alat perangkap nyamuk, MyMAT (Institut Penyelidikan Perubatan) dan minuman kesihatan antipenuaan daripada ekstrak limau, Nutrima Cell Code (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).



MOSTI Proposes 'Buy Innovative Products Year' In 2017

KUALA LUMPUR, Oct 13 (Bernama) -- **The Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI)** is proposing to launch a 'Buy Innovative Products Year' in 2017 with the aim of building people's confidence to acquire local innovative items.

Its **Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** said Malaysia had sufficient local innovative products to meet the needs of the community but the people have little awareness of buying local innovative products.

"Maybe the people are not confident with local innovative products and this is among reasons why many local innovative products did not do well.

"Commercialisation depended on sales, so one of the ways to inculcate such a culture to buy Malaysian innovative products was through the 'Buy Innovative Products 2017," he told reporters after a product preview session in conjunction with Malaysia Commercialisation Year 2016 (MCY 2016), here Thursday.

During the product preview, 10 products were displayed including a mobile application ParkBox which was produced to enable drivers to purchase parking (coupons) via smartphone and a gadget to reduce mosquito breeding, called MyMAT.

Abu Bakar said 26 organisations including research institutions, research universities as well as agencies in technology development and services had given their commitment to commercialise 150 products or technologies under the MCY 2016 platform.

"MCY 2016, a follow-up from 2014, is targeting to commercialise 360 research products by 2020," he said and added MCY 2016 was also a MOSTI initiative with the Finance Ministry under the National Blue Ocean Strategy (NBOS).

He added that 71 research products by local researchers under the TechnoFund grant provided by MOSTI had successfully been commercialised as at September this year in line with MCY 2016.

"Among the highlights of MCY 2016 is MCY Summit with a theme 'Science, Technology and Innovation (STI) to Create Wealth' and scheduled to be held on Dec 8 and 9 in Kuala Lumpur," he said.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)**



MOSTI Cadang Adakan Tahun Membeli Produk Inovasi Pada 2017

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** bercadang melancarkan Tahun Membeli Produk Inovasi pada 2017 bagi membina keyakinan rakyat untuk membeli produk inovasi tempatan.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata Malaysia mempunyai teknologi inovasi yang cukup untuk memenuhi keperluan masyarakat namun, kesedaran untuk membeli produk inovasi tempatan dilihat kurang dalam kalangan rakyat.

"Mungkin orang ramai tidak yakin dengan produk inovasi tempatan dan ini antara sebab mengapa kebanyakan produk inovasi tidak boleh pergi jauh.

"Pengkomersilan bergantung kepada pembelian. Jadi, satu cara untuk menyerapkan budaya membeli produk inovasi di Malaysia ini bagi saya adalah menarik jika diadakan Tahun Membeli Produk Inovasi 2017," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sesi prapamer produk bersama media sempena Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016 (MCY 2016) di sini, hari ini.

Semasa sesi itu, sebanyak 10 produk dipamerkan termasuk aplikasi mudah alih 'ParkBox' yang dihasilkan bagi memudahkan pemandu membeli sesi parkir (kupon) melalui telefon bimbit dan alat untuk mengurangkan pembiakan nyamuk 'MyMAT'.

Abu Bakar berkata 26 organisasi termasuk institusi penyelidikan, universiti penyelidikan serta agensi pembangunan dan perkhidmatan teknologi telah memberi komitmen untuk mengkomersilkan 150 produk atau teknologi di bawah platform MCY 2016.

"MCY 2016 adalah rentetan dari 2014 yang meletakkan sasaran mengkomersialkan 360 produk penyelidikan menjelang 2020," katanya mengenai MCY 2016 yang merupakan inisiatif Mosti bersama Kementerian Kewangan di bawah pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Sebanyak 71 produk hasil penyelidikan oleh penyelidik tempatan di bawah geran TechnoFund yang disediakan Mosti berjaya dikomersilkan sehingga September tahun ini, selaras MCY 2016. Acara kemuncak MCY 2016 adalah 'MCY Summit' bertema 'Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) untuk Penciptaan Kekayaan' yang diadakan pada 8 hingga 9 Dis ini di Kuala Lumpur," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO : MUKA SURAT M11
TARIKH: 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)



DR FATEHAH menerima anugerah Anugerah Nasional Fellowship Wanita dan Sains (FWIS) L'Oréal-UNESCO 2016 daripada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Dr Abu Bakar Mohamad Diah (tengah). Turut kelihatan Pengarah Urusan L'Oréal Malaysia Malek Bekdache.

Idris leads Malacca awards list

923 honoured in conjunction with Governor's 78th birthday

MALACCA: Malacca Chief Minister Datuk Seri Idris Haron leads 923 recipients of state awards and medals in conjunction with Malacca Governor Tun Mohd Khalil Yaakob's 78th birthday this year.

State secretary Datuk Naim Abu Bakar said Idris is the sole recipient and the first Chief Minister to be conferred the Darjah Utama Negeri Melaka (DUNM) award which carries the title "Datuk Seri Utama".

Sarawak Chief Minister Tan Sri Adenan Satem is among 11 recipients of Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) which carries the title "Datuk Seri".

Other recipients of DGSM are Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa, Attorney-General Tan Sri Mohamed Apandi Ali, Navy chief Admiral Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, Prof Emeritus Tan Sri Dr Lim Kok Wing, Jasin MP Datuk Ahmad Hamzah and Malacca executive councillor Datuk Abdul Ghafar Atan.

Naim said Malaysian badminton ace Datuk Lee Chong Wei is among 20 recipients receiving the Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) award which carries the title "Datuk Wira".

Other recipients include Deputy



Honoured recipients: (From left) Idris conferred 'DUNM' with the title 'Datuk Seri Utama', Dr Jeyaindran and Lee, both awarded 'DCSM', which carries the title 'Datuk Wira'.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, Malacca executive councillor Datuk Ab Rahaman Ab Karim, Public Works Department director-general Datuk Seri Dr Roslan Md Taha, deputy director-general of health Prof Datuk Dr S. Jeyaindran, Bukit Aman Special Branch director Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun and Malacca MCA adviser Datuk Gan Tian Loo.

Malacca police chief Deputy Comm Datuk Ramli Din is among 14 recipients awarded the Darjah

Mulia Seri Melaka (DMSM) which carries the title "Datuk".

Others include Malaysian ambassador to France Datuk Ibrahim Abdullah, Tangga Batu Umno division secretary Datuk Shamsudin Mehat and Chief Minister's political secretary Rosli Hassan.

Another 122 people will be awarded the Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM) which also carries the title "Datuk".

Among them are Malacca deputy police chief Senior Asst Comm Datuk Ruslan Hasan, *Berita Harian*


executive editor Ahmad Zaini Kamaruzzaman and Utusan Melayu (M) Bhd editor Zulkefli Hamzah.

Naim added that 61 recipients will receive Darjah Seri Melaka (DSM), 74 the Bintang Cemerlang Melaka (BCM), 195 the Bintang Khidmat Terpuji (BKT), 208 the Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 186 the Pingat Bakti Masyarakat (PBM) while 30 people will be given the Pingat Khidmat Lama (PKL).

He said there will be three investiture ceremonies – on Oct 15, Oct 16 and Nov 19.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 4
TARIKH: 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)

PM: 2017 will be year of Internet economy



By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Announcing that 2017 will be the year of Internet economy for the country, Datuk Seri Najib Tun Razak has called on Malaysians to embrace, adapt to changes and explore new areas of growth to accelerate the economy.

He said to date, Malaysia's digital economy contribution to the Gross Domestic Product had already reached 17.8% in 2015.

"We have almost hit the 18.2% target which we set for 2020. In light of this achievement, we must continue the good work and strive for higher goals. With just a short three years away, we are confident of exceeding our target," he said in his closing remarks after chairing the 28th MSC Malaysia Implementation Council Meeting.

To ensure the success of Malaysia's agenda for Internet economy, Najib outlined five areas that act as catalysts – physical microcosms, risk capital funding, connectivity, talent and regulatory framework.

The Prime Minister took interest in the creation of physical microcosms – a cluster or community of digital hubs – where a new breed of Internet economy, mainly start-ups,



Meeting of minds: Najib (centre) with (from left) Datuk Seri Hamzah Zainuddin, Datuk Seri Mustapa Mohamed, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak and **Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya** during the launch of 28th MSC Malaysia Implementation Council Meeting in Putrajaya.

scale-ups and SMEs connects, converges, shares and creates ideas.

He said there was an urgency to create digital hubs to cater to the growing needs of these "born-digital" companies. He added that to encourage the setting up of these hubs, authorities would ensure a simpler and faster approval process to be done by the Communications and Multimedia Ministry.

"A new category under the MSC Foreign Knowledge Worker will also be introduced to complement the setting up of Malaysia Digital Hubs. The new category will be called the Tech Foreign Knowledge Entrepreneur that will facilitate the entry of global entrepreneurs into Malaysia," he added.

Saying that the country would need 20,000 data professionals and 2,000 data scientists by 2020, the Prime Minister said there were only some 350 data scientists at present and efforts would be doubled to develop data scientists via formal university initiatives and professional development.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B4
TARIKH: 12 OKTOBER 2016 (RABU)

Paras tertinggi air dijangka Isnin ini

Penduduk terdedah risiko dinasihat berpindah awal ke pusat pemindahan banjir

KAPAR – Agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penduduk setempat bekerjasama bagi menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka melanda Ahad ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, kerjasama pelbagai pihak itu memfokuskan pada baik pulih dan penambahbaikan ban atau benteng penahan air.

"Selepas fenomena yang sama pada bulan lepas, kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM4.3 juta untuk membaiki ban yang rebak (pecah).

"Menurut ramalan dan kajian Jabatan Meteorologi, paras tertinggi air dijangka naik pada kadar 5.7 meter



Agensi kerajaan, NGO dan penduduk setempat bekerjasama melakukan kerja-kerja meninggikan ban bagi menghadapi fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku Ahad ini.

pada 17 Oktober nanti.

"Jadi kerisauan kita sekarang ini adalah keadaan air pasang ini berlaku ketika

waktu hujan.

"Justeru, kita menasihatkan penduduk yang terdedah kepada risiko banjir agar da-

pat berpindah awal ke pusat pemindahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melakukan lawatan



ZAIDY

kerja ke Kampung Tok Muda, di sini bagi melihat kerja-kerja menaik taraf ban sedia ada bagi menghadapi fenomena tersebut.

Hadir sama ketika lawatan berkenaan, Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi; Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara, Datuk Ir Rohaizi Mohd Jusoh dan Pegawai Daerah Klang, Mohd Zainal

Mohd Nor.

Dalam pada itu, Rohaizi menjelaskan, kerja-kerja meninggikan ban sedia ada sedang giat dijalankan dengan bantuan agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Angkatan Pertahanan Awam (APM) selain Mercy Malaysia.

"Hari ini dapat dilihat kita bersama-sama bertungkus lumus dalam kerja-kerja meninggikan ban sedia ada dengan menggunakan kaedah sand bag (beg pasir) setinggi 1.5 kaki hingga 2 kaki tinggi.

"Kerja-kerja meninggikan ban ini merangkumi 350 meter panjang di Kampung Tok Muda dan kita jangkakan ia dapat membantu menahan limpahan air apabila fenomena air pasang besar berlaku nanti," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.